

Headline	Malaysia bakal eksport perabot kayu mesra alam terkemuka		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	L-19	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	304 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,063
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,189



# Malaysia bakal eksport perabot kayu mesra alam terkemuka

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Teknologi rawatan kayu bebas bahan kimia yang dikenali sebagai sistem pengeringan suhu tinggi (HTD) mampu menggerakkan Malaysia ke arah pengeksport perabot kayu mesra alam terkemuka global.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel berkata, sistem tersebut merupakan satu inisiatif teknologi mesra alam yang bakal memberi manfaat kepada semua pihak.

"Walaupun potensi teknologi ini kurang disedari, saya menggesa pengusaha industri mengambil kesempatan ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai teknologi ini dan menyertai sebagai pengguna," katanya pada majlis perasmian forum HTD anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalannya, Datuk Seri Dr. James Dawos Mamit.

Palanivel berkata, perabot kayu getah menyumbang kira-kira RM5 bilion daripada jumlah pendapatan eksport perabot

yang dijana oleh sektor berasaskan kayu pada tahun lalu.

"Kayu getah merupakan industri utama di Malaysia. Sehingga hari ini, lebih 80 peratus perabot kayu yang dieksport diperolehi daripada sumber penting ini. Malah terdapat lebih 2,000 syarikat perabot tempatan beroperasi terutamanya di Semenanjung.

"Melalui teknologi HTD ini pengusaha industri bukan sahaja boleh menjimatkan penggunaan tenaga, malah dapat mengurur kos operasi secara efektif kos dan meningkatkan daya saing industri terlibat.

"Kita khuatir sebarang peraturan antarabangsa alam sekitar atau keselamatan yang dikenakan bakal menjejaskan industri kayu getah. Untuk itu, kita mesti sentiasa proaktif dalam menggerakkan industri ke hadapan," katanya.

Jelas Palanivel, pada masa ini teknologi tersebut menerima sambutan yang menggalakkan daripada industri-industri berasaskan kayu.


Dalam pada itu, Palanivel berkata, sistem HTD yang dibangunkan oleh FRIM menawarkan penyelesaian unik untuk menangani masalah terutamanya industri perabot kayu getah.

Katanya, kualiti kayu yang dirawat oleh sistem HTD secara keseluruhannya dipertingkatkan dan mempunyai kestabilan yang lebih baik berbanding hasil kayu oleh kaedah konvensional.

"Teknologi berkenaan tidak menggunakan sebarang rawatan bahan kimia termasuk 'Bethell' namun mampu meningkatkan kestabilan kayu.

"Selain itu teknologi ini dilihat menjimatkan masa dan tenaga, yang mana pengeringan kayu hanya mengambil masa dua hari berbanding 12 hari, ini juga sekaligus menjimatkan kos penyimpanan kayu di kilang," katanya.

Sementara itu Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd Latif Mohmod berkata, pihaknya bersedia untuk berkongsi teknologi tersebut dengan negara yang berminat.



**MALAYSIA bakal menjadi pengeksport perabot kayu mesra alam terkemuka dunia.** - GAMBAR HIASAN